

29 MAR 1997

Mahathir-Jepun (Dengan Gambar)

LAWATAN MAHATHIR MENARIK MINAT JEPUN TERHADAP MSC

Oleh: Syed Jamil Jaafar

NAGOYA, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke Jepun dengan penuh kejayaan terutama dalam usaha menarik pengusaha Jepun melibatkan diri dalam penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Di mana-mana beliau pergi, Dr Mahathir mengambil kesempatan menjelaskan konsep MSC dan mendapati minat pengusaha dan pelabur Jepun terhadap projek itu amat tinggi.

Beliau diajukan soalan bertubi-tubi mengenai MSC ketika menemui para anggota Keidanren (Gabungan Pertubuhan Ekonomi Jepun) yang berpengaruh di Tokyo, tokoh-tokoh korporat terkemuka di Osaka dan ketika menghadiri Dialog Fukuoka di Fukuoka.

Malah Dr Mahathir memperoleh sokongan terhadap MSC daripada Perdana Menteri Ryutaro Hashimoto sendiri yang menyifatkannya satu projek yang sangat baik bagi masa depan dan berjanji membincangkan dengan pakar-pakar bagaimana Jepun dapat memainkan peranan.

Malaysia inginkan penglibatan Jepun dalam bidang pembangunan manusia, penyelidikan dan pembangunan dan pembuatan peralatan teknologi tinggi.

Dr Mahathir mengakhiri lawatannya, kunjungan rasmi yang kedua sejak 1983 walaupun beliau datang ke Jepun hampir setiap tahun dalam rangka lawatan kerja, dengan menyaksikan upacara penamaan sebuah kapal pembawa gas cecair asli di limbungan syarikat NKK Tsu Works di Bandaraya Tsu 90km dari sini pagi ini.

Upacara penamaan kapal ''Aman Sendai'' dilakukan oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dengan menggunakan sebilah kapak kecil, Dr Siti Hasmah mencantas seutas tali yang kemudiannya menarik naik kain pemedang yang menutup nama ''Aman Sendai'' pada kapal kelas 18,800 meter padu itu.

Doa selamat kemudian dibacakan pada upacara itu yang tetap berwarna-warni walaupun hujan musim bunga menyelubungi suasana.

Dr Mahathir kemudian menaiki kapal itu untuk meninjau keadaan dalamannya dan diberikan taklimat oleh para pegawai Konsortium Perkapalan, pemilik kapal itu.

Kapal itu adalah kapal pembawa gas cecair asli yang kedua milik Asia LNG Transport Sdn Bhd, sebuah syarikat usahasama antara PNSL Bhd (anak syarikat milik penuh Konsortium Perkapalan Berhad) dan Nippon Kabushiki Kaisha (NYK Line).

Kapal pertama Asia LNG ''Aman Bintulu'' mengangkut gas cecair asli dari Bintulu, Sarawak ke Hakata sementara ''Aman Sendai'' akan membawa bahan itu ke Sendai di pulau besar Honshu.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah pengerusi eksekutif Konsortium Perkapalan Mirzan Mahathir, isteri serta anaknya selain Presiden Petronas Datuk Hassan Marican, Duta Besar Malaysia ke Jepun Tan Sri Khatib Abdul Hamid dan Datuk Bandar Sendai Hajimu Fujii. -- BERNAMA

SJ AKD